



YAPEIM

KENYATAAN MEDIA

SKUAD IHSAN MADANI HAL EHWAL AGAMA SALUR BANTUAN BANJIR DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 3 Januari 2026 – Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), melalui Program Ihsan MADANI Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama (HEA), telah menyantuni mangsa banjir di negeri Terengganu melibatkan 772 keluarga, 540 pelajar serta empat (4) institusi, dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM151,200. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada RM2.7 juta peruntukan di bawah Program Bantuan Banjir YAPEIM 2025.

Penyerahan bantuan tersebut, yang merupakan inisiatif Program Skuad Ihsan MADANI (Hal Ehwal Agama), telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, dalam satu majlis yang berlangsung di SMK Padang Midin, di sini hari ini. Turut hadir ialah Ketua Pengarah YAPEIM, Tuan Haji Zabidi bin Nasan.

Melalui program ini, YAPEIM berperanan sebagai peneraju program bagi negeri Kelantan dan Terengganu, menggembeleng keupayaan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (HEA) , Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Yayasan Taqwa serta TV AlHijrah, terlibat secara langsung dalam misi bantuan banjir. Hasil kerjasama ini, jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan di bawah Program Ihsan MADANI Hal Ehwal Agama kepada kumpulan sasar berjumlah RM341,500 untuk kali ini.

Bantuan yang disampaikan merangkumi bantuan asas makanan (foodbank), bantuan infrastruktur dan peralatan, bantuan Kembali ke Sekolah dalam bentuk tunai dan kelengkapan persekolahan, serta selimut dan comforter bagi meringankan beban mangsa banjir.

Sebelum ini, YAPEIM telah mengumumkan peruntukan keseluruhan RM2.7 juta bagi pelaksanaan Program Bantuan Banjir YAPEIM 2025, yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP),

Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Sejak penubuhannya pada tahun 1985 hingga November 2025, YAPEIM telah mengagihkan sebanyak RM725 juta kepada 10.1 juta penerima manfaat di seluruh negara, merangkumi tiga teras utama iaitu Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Pendidikan dan Pembangunan Kemasyarakatan.

Selain itu, YAPEIM turut mengendalikan operasi pembiayaan mikro melalui Ar-Rahnu YAPEIM, yang kini mempunyai 201 cawangan di seluruh negara. Perkhidmatan ini menyediakan peluang pembiayaan jangka pendek kepada peniaga dan usahawan kecil bagi menangani keperluan modal kerja.

Secara keseluruhan Ar Rahnu YAPEIM telah menyantuni seramai kira-kira sejuta penggadaai dengan nilai pembiayaan berjumlah RM18.6 bilion yang melibatkan transaksi berjumlah 14.2 juta item dengan nilai marhun berjumlah RM28.6 bilion sejak tahun 2000 sehingga November 2025.

Latar Belakang Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)

YAPEIM ialah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Ia ditubuhkan pada 13 Oktober 1976 dan dilancar semula pada 1984. YAPEIM berperanan dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah dengan menyediakan inisiatif pembangunan usahawan, bantuan pendidikan dan bantuan kemasyarakatan kepada yang layak dan memerlukan melalui program komuniti secara berpanjangan atau sekali ("*one-off*").

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Seksyen Komunikasi Korporat & Hubungan Kerajaan

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)

E-mel: info@yapeim.my

Tel: 013-4165 201 (Ridzuan Abas), 019-244 0585 (Azim Fitri)